

22 JUN 1998

EON-JUALAN/I

EON JUAL 21,000 KERETA PROTON ANTARA JANUARI DAN MEI 1998

SHAH ALAM, 22 Jun (Bernama) -- Pengedar kereta nasional Edaran Otomobil Nasional (EON) menjual kira-kira 21,000 buah kereta Proton dalam lima bulan pertama tahun ini, yang merupakan agihan pasaran sebanyak 54 peratus daripada keseluruhan jualan berbanding 45 peratus yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lalu, demikian diumumkan hari ini.

Pengerusi EON Tan Sri Mohd Saleh Sulong berkata jualan Proton mulai rancak semula dan beliau mengaitkannya kepada program-program yang dijalankan oleh syarikat itu untuk mempertingkatkan jualan.

Sementara itu, Usaha Proton-DRB, pengedar model Proton yang lain, menjual 4,400 kereta dalam tempoh Januari hingga Mei tahun ini.

Berucap pada upacara meraikan pelanggan EON kesejuta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, Mohd Saleh berkata pameran kereta syarikat itu juga telah menarik ramai pelanggan yang mencari kenderaan terpakai yang boleh dipercayai, bermutu tinggi dan termampu oleh mereka.

Menurut beliau langkah kerajaan melonggarkan syarat-syarat pinjaman sewa beli bagi kereta berharga RM40,000 ke bawah dan peningkatan jumlah pinjaman yang boleh didapati kepada 80 peratus daripada 70 peratus sebelumnya, serta tempoh pembayaran balik yang lebih panjang telah membantu meningkatkan jualan kereta Proton.

Bagaimanapun, katanya, jumlah jualan ini masih boleh dipertingkatkan lagi jika kerajaan bersetuju untuk memperluaskan galakan sedemikian bagi meliputi kereta berharga RM60,000 ke bawah.

Katanya, EON telah menggunakan beberapa kaedah bagi meningkatkan permintaan terhadap kereta Proton, termasuk mengurangkan harga dan meningkatkan pengiklanan.

Setakat Mei tahun ini, EON Motoria, sebuah anak syarikat EON, menjual kira-kira 800 kereta baikpulih dengan nilai berjumlah RM20 juta.

Mengenai eksport kereta Proton baru, beliau berkata bagi suku pertama tahun ini, nilai eksport berjumlah RM268 nilai telah dicapai.

Kumpulan ini telah meletakkan sasaran eksport sejumlah 52,000 unit tahun ini berbanding 27,000 unit yang dieskport tahun lalu.

"Kami yakin kumpulan DRB-Hicom akan dapat meningkatkan eksport sehingga lebih RM1 bilion dalam tahun 1998," tambah beliau.

Sehubungan ini, sebuah syarikat baru bernama DRB-Hicom Export Corporation Sdn Bhd telah ditubuhkan. Menurut Mohd Saleh, syarikat ini akan terbabit dalam usaha mengeksport motosikal Modenas dan trak Perkasa Hicom serta komponen kereta.

Pada 2 Julai, DRB-Hicom Export Corporation akan menandatangani perjanjian dengan enam pengedar di Cyprus, Argentina, Malta, Mauritius, Brunei dan Singapura.

Mohd Salleh juga berkata Proton akan terus memperkenalkan model-model baru menjelang awal tahun 2000.

Mohd Salleh berkata kumpulan DRB-Hicom bersungguh-sungguh dalam menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan eksport dalam usaha memulihkan ekonomi.

Nilai eksport kereta Proton, komponen dan alat ganti berjumlah RM829 juta tahun lalu.

Dalam tahun 1997, kumpulan syarikat EON mencatat jualan berjumlah RM7.4 bilion dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM669.7 juta, menjadikannya entiti korporat terbesar di Malaysia daripada segi jumlah dagangan.

Jumlah aset EON bertambah daripada RM101 juta pada tahun 1996 kepada tahap yang mengagumkan iaitu RM12.84 bilion menjelang akhir 1997.

Setakat ini, projek kereta nasional itu menyumbang RM7.6 bilion kepada Perbendaharaan dalam bentuk cukai eksais, cukai jalan dan cukai korporat.

-- BERNAMA

DVS KY MA